

Praktis Peperiksaan Akhir Tahun T4

Set 1: Soalan 1

Butir-butir berikut telah diperoleh daripada buku Bigfoot Trading pada 31 Mac 2023:

	RM
Alatan pejabat	12,270
Perabot	11,570
Inventori	2,740
Akaun belum terima	4,260
Tunai	1,560
Modal	25,000
Akaun belum bayar	3,970
Overdraf bank	3,430

Urus niaga berikut telah berlaku sepanjang bulan April 2023:

- (i) Seorang Akaun belum terima telah membayar cek RM780 untuk menjelaskan hutangnya bernilai RM800 dengan penuh. Cek dibankkan.
- (ii) Selepas memohon overdraf, pemilik telah mengeluarkan cek bernilai RM3,740 untuk menjelaskan hutang akaun belum bayar. Diskaun RM230 diterima.
- (iii) Membeli barang bernilai RM2,350 secara kredit.
- (iv) Pemilik telah mengambil barang bernilai RM450 untuk kegunaan keluarga.
- (v) Sebuah komputer lama yang mempunyai nilai buku RM870 dijual dengan harga RM900 secara cek.
- (vi) Sebuah komputer peribadi yang bernilai RM2,680 dibawa masuk untuk kegunaan perniagaan.
- (vii) Pulangan kepada pembekal barang bernilai RM240.
- (viii) Pemilik telah mengeluarkan sebuah rak buku pejabat bernilai RM280 untuk kegunaan anaknya.
- (ix) Satu perlima daripada inventori barang niaga dijual secara kredit dengan harga RM1,000.

Dikehendaki:

- (a) Lengkapkan jadual persamaan perakaunan di bawah untuk menunjukkan kesan setiap urus niaga atas akaun-akaun yang berkenaan.
- (b) Sediakan Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 April 2023.

(a) Jadual Persamaan Perakaunan

Urus niaga	Alatan pejabat	Perabot	Inventori	Akaun belum terima	Bank	Tunai	Akaun belum bayar	Modal
Baki awal	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
(i)								
(ii)								
(iii)								
(iv)								
(v)								
(vi)								
(vii)								
(viii)								
(ix)								
Baki akhir								

(b) Penyata Kedudukan Kewangan

Bigfoot Trading Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 April 2021			
	RM		RM